



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018
NEGERI PAHANG KLUSTER 1 & 2
TAHUN 2018**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan **satu soalan daripada Bahagian B.***
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Bahagian A

[30 Markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah merupakan sebahagian daripada aktiviti minggu bahasa di peringkat sekolah.

Huraikan pendapat anda tentang aktiviti minggu bahasa di peringkat sekolah. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Aktiviti Persembahan



Aktiviti Penulisan



Aktiviti Pertandingan

Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

1. Amalan menjaga kebersihan diri sangat penting kepada remaja. Remaja akan menjadi lebih yakin dan kesihatan diri lebih terjaga. Sebagai remaja contoh, anda diminta menyampaikan ceramah kepada sekumpulan pelajar baharu di sekolah anda. Tajuk ceramah anda ialah "Cara-cara Menjaga Kebersihan Diri."

Tuliskan ceramah anda selengkapnya.

2. Kehidupan generasi muda kini yang lebih mengutamakan kemewahan hidup menyebabkan mereka memandang rendah terhadap kepentingan semangat patriotisme.

Bincangkan cara-cara berkesan menerapkan semangat patriotisme dalam kalangan remaja.

3. Pengangkutan awam di Malaysia diperhebat seiring dengan perkembangan sains dan teknologi.

Jelaskan kebaikan-kebaikan pengangkutan awam kepada masyarakat dan negara.

4. Pencemaran alam sekitar boleh menjejaskan kualiti hidup masyarakat.

Jelaskan kesan kemusnahan alam sekitar kepada masyarakat global.

- 5.

*Buah jambu dari Kembayat,
Buah pala dibuat halwa;
Kasih ibu sepanjang hayat,
Kasih bapa berkorban nyawa.*

Pantun di atas menggambarkan kepentingan kasih sayang dalam sesebuah keluarga.

Tulis sebuah cerpen yang bertemakan kasih sayang.